

# 60 ahli, pelajar UMS sertai ceramah YMM Penampang

DE 3-11-13 F

**PENAMPANG:** Seramai 60 orang ahli Persatuan Pergerakan Pemuda Malaysia (YMM Penampang) dan siswazah Universiti Malaysia Sabah (UMS) mengikuti aktiviti membuat EM Air Beras Bertapis dan EM Mudball di sekolah PPIB, UMS baru-baru ini (26 Oktober 2013).

Menurut penceramahnyanya, Alastair Fong, aktiviti tersebut dianjurkan bertujuan memberi kesedaran kepada masyarakat setempat untuk menggunakan kaedah yang lebih menjimatkan bagi memulihara alam sekitar dengan menggunakan EM Mud Ball dan EM Air Beras Bertapis.

Beliau merangkap Pengerusi YMM Cawangan Penampang, berkata senario parit dan sungai yang tercemar di sekitar bandaraya Kota Kinabalu amat membimbangkan masyarakat setempat khususnya generasi muda kini.

“Mereka bercadang untuk melemparkan EM Mud Ball yang telah siap diproses ke dalam parit yang tercemar berkenaan,” kata Alastair yang dijemput pelajar UMS untuk memberi ceramah dan teknik untuk mempros-

es EM Mud Ball.

“Selain itu, EM Air Beras Bertapis juga boleh digunakan dalam kerja-kerja pembersihan seperti mencuci pinggan mangkuk, lantai dan sebagainya,” tambah Alastair sambil memperkenalkan YMM kepada siswazah yang belum mendaftar dalam persatuan tersebut.

“Aktiviti ini akan diadakan dari semasa ke semasa. Bagi masyarakat setempat yang ingin memberikan sumbangan dan cintai bumi hijau kita, anda boleh layari laman sesawang YMM Penampang di ‘Facebook’.”

Beliau juga menyatakan bahawa YMM kini menjalankan promosi dalam yuran pendaftaran ahli.

Belia dalam lingkungan umur 15 tahun sehingga 40 tahun boleh mendaftar sebagai ahli YMM sepanjang hayat dengan yuran pendaftaran sebanyak RM30 sahaja. Promosi ini hanya sah sehingga hujung tahun ini.

Kepada yang berminat, hubungi exco pendaftaran, Alex Siau di talian 016-8411538 atau Pengerusi YMM Penampang Alastair Fong 017-8636988.